

# Biar Dr. Mahathir laksana tugas

KOTA BHARU 11 MEI

**P**EMIMPIN veteran DAP, Lim Kit Siang diminta supaya tidak mempertikalkan tempoh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, kata Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman.

Beliau berkata, Kit Siang

sepatutnya tidak mengeluarkan kenyataan seolah-olah Dr. Mahathir tidak mahu berundur daripada jawatan berkenaan.

"Kita dapat lihat Dr. Mahathir masih mampu dan mempunyai wawasan tersendiri untuk membaik pulih semula negara, jadi tak usah pemimpin lain masuk campur mengeluarkan kenyataan seolah-olah beliau tidak mahu berundur daripada

jawatannya.

"Dr. Mahathir pun sudah banyak kali bagi tahu sampai masa dia akan berundur dan saya percaya dia akan berundur apabila tiba masanya, tapi buat masa ini, selagi dia mampu dan selagi rakyat mahu, dia akan terus jadi Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan sumbangan

zakat kepada 311 penerima dalam majlis Penyampaian Zakat Biro Ekonomi Bersatu Kota Bharu Bersama Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (Kowamas) di sini hari ini.

Abdul Rashid menngulas kenyataan Kit Siang bahawa beliau

bersedia untuk berundur dan bersara daripada arena politik dan tidak bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) sekiranya Dr.



**ABDUL RASHID**



**LIM KIT SIANG**

Mahathir tidak menunaikan janji melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri kepada Presiden PKR merangkap Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim. - BERNAMA